

Saya mahu tenang, gembira sahaja – Zahnita

- Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
- 3 Januari 2025, 2:28 pm



ZAHNITA Wilson hadir ke Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pahang, Kuantan bagi sebutan semula kes hak penjagaan anak. - UTUSAN/SHEIKH AHMAD RAZIF

KUANTAN: “Saya cuma berharap agar semuanya berjalan lancar mengikut perancangan,” ujar bekas peragawati, Zahnita Wilson atau nama sebenarnya Zahnita Dorothy Hussein Wilson, 40.

Zahnita hadir ke Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pahang hari ini bagi sebutan semula kes hak penjagaan empat anaknya.

Beliau berkata, tiada ulasan yang dapat diberikan memandangkan kes hak penjagaan anaknya itu masih dalam perbicaraan.

“Alhamdulillah, nak cakap macam mana. Saya tidak boleh cakap banyak sebab masih dalam *prosiding* kan. Bagaimanapun setakat ini segalanya berjalan lancar mengikut perancangan. Insya-Allah,” katanya ketika ditemui di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pahang di sini hari ini.

Ditanya tentang perancangan pada tahun ini, Zahnita berkata, dia cuma mengharapkan kehidupan yang lebih tenang dan gembira.

“Saya cuma harap segalanya berjalan lancar. Tak nak ada sebarang halangan, pergaduhan dan sebagainya. Cuma nak tenang dan gembira sahaja. Itulah harapannya,” ujarnya.

Pada 6 Disember tahun lalu, Mahkamah Tinggi Syariah Pahang membenarkan hak jagaan sementara *ex parte* diberikan kepada Zahnita selepas beliau memohon kepada mahkamah mendapatkan jagaan anak-anaknya. – **UTUSAN**